

Malaysia bakal keluarkan
kapal elektrik pertama

Projek perintis akan bermula pada 2023 babit kos RM110 juta

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Malaysia bakal mengeluarkan kapal elektrik pertama dalam tempoh tiga tahun akan datang, sekaligus mengukuhkan kedudukan industri pembinaan kapal dan pembaikan kapal (SBSR) negara.

Ini bakal direalisasikan sepenuhnya oleh Persatuan Industri Marin Malaysia (AMIM) menerusi perkongsian strategik rasmi adalah antara tiga syarikat utama SBSR tempatan bersama syarikat hijau inovatif dari Singapura.

Presiden AMIM, Soo Jee Main, berkata ia perkongsian strategik rasmi untuk membina kapal bekalan luar pesisir hijau (OSV) pertama keluaran Malaysia dan membekalkannya ke pasaran global.

Beliau berkata, projek perintis pembinaan kapal elektrik pertama Malaysia dan juga serantau itu akan dimulakan pada 2023 membabitkan kos kira-kira RM110 juta (AS\$25 juta).

Projek itu, katanya, dijangka mengambil masa sekitar 18 hingga 24 bulan untuk disiapkan, bermula dari fasa reka bentuk hingga pembinaan.

"Industri percaya bahawa projek ini akan membuka pintu merentasi pelbagai sektor dan meningkatkan ekonomi Malaysia



Norazman (tiga dari kiri) dan Jee Main (tiga dari kanan) pada majlis menandatangani MoU antara Evolution Concepts Pte Ltd, Grade One Marine Shipyard, Shin Yang Shipyard dan Muhibbah Marine Engineering di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahrlil Badri Saali/BH)

secara keseluruhan.

Peningkatan pekerjaan, teknologi

"Sebagai projek perintis kerjasama antara negara, ia bersifat oportunistik. Semua pihak yang terabit mempunyai peranan yang berbeza, tetapi sama penting, membawa kepada peningkatan pekerjaan, pemindahan teknologi dan pengetahuan serta pengembangan pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Evolution Concepts Pte Ltd, Grade One Marine Shipyard Sdn Bhd, Shin Yang Shipyard Sdn Bhd dan Muhibbah Marine Engineering Sdn Bhd.

Majlis disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Industri) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Norazman Ayob.

Jee Main berkata, menerusi

peluang perkongsian seperti ini, syarikat SBSR tempatan terbukti mampu membina kapal hijau dan bersedia menerima tempahan.

Beliau berkata, ia juga akan menarik lebih banyak pelaburan dan kerjasama asing, seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan yang bermakna untuk rakyat Malaysia dalam industri maritim.

Katanya, industri maritim dan SBSR Malaysia diiktiraf pada peringkat global dengan menduduki tempat keempat dalam Lima Ekonomi Teratas dengan Indeks Ketersambungan Perkapalan Liner (LSCI) Tertinggi 2021 mengikut Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Negara Bersatu.

"Kita juga mempunyai pelaburan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Klang yang disenaraikan antara 25 Pelabuhan Teratas di bawah Indeks Prestasi Pelabuhan Kontena IHS Markit Bank Dunia 2020, masing-masing di tempat ke-

13 dan ke-14.

"Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai potensi pertumbuhan yang besar dan projek ini datang tepat pada masanya untuk kita bergerak pulih pasca pandemik," katanya.

Pilihan industri maritim

Sementara itu, Pengarah Urusan Evolution Concepts, Kelvin Chong, berkata kapal elektrik adalah pilihan industri maritim pada masa hadapan kerana ia mampu memberikan penjimatan serta mesra alam.

Beliau berkata, tempoh hayat penggunaan kapal elektrik juga lebih lama berbanding kapal konvensional selain kurang memerlukan penyelenggaraan dan penggunaan tenaga kerja yang lebih cekap.

Namun, katanya, paling utama kemahiran tenaga kerja tempatan dapat dipertingkatkan ke arah teknologi yang lebih maju.